

Perlindungan Dwi-Fungsi: Dirangka dengan Teliti, Bukan Sekadar Imajinasi

Pada tahun 2005, Malaysia mengukuhkan asas kestabilannya dengan dua cara yang berbeza namun selari. Di tahun tersebut, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ditubuhkan untuk membina keyakinan awam serta menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan. Pada masa yang sama, di bawah bandar raya Kuala Lumpur, pembinaan Terowong SMART sedang giat dijalankan – sebuah projek mega infrastruktur negara yang bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir kilat di samping melancarkan aliran trafik. Sekilas pandang, mandat kedua-duanya nampak berbeza. Satu ialah sistem yang melindungi konsumen kewangan manakala satu lagi ialah sistem untuk melindungi bandar raya. Namun kedua-duanya mencerminkan falsafah yang sama: apa yang penting bukanlah apa yang hanya diimajinasikan semasa krisis, tetapi apa yang dirancang lebih awal sebelum sesuatu krisis berlaku.

Bersedia Ketika Tenang, Teguh Dalam Tekanan

Kekuatan PIDM dan Terowong SMART terletak pada ciri dwi-fungsinya. Terowong SMART mula beroperasi dengan keupayaan dwi kapasitinya pada tahun 2007. Dalam keadaan biasa, ia melancarkan aliran trafik dengan kira-kira 30,000 kenderaan menggunakan terowong itu setiap hari, sekali gus menjadikan masa perjalanan lebih singkat. Apabila hujan lebat, terowong itu bertukar fungsi dengan mengalihkan lebih air hujan keluar dari pusat bandar, justeru membantu mencegah banjir kilat yang teruk. Sejak beroperasi, ia berjaya membantu mengelakkan kerosakan awam berkaitan banjir bernilai kira-kira RM1.4 bilion.

Peranan PIDM sebagai jaring keselamatan kewangan juga berteraskan prinsip yang sama. Mandat kami terletak pada dua fungsi pelengkap: meningkatkan keyakinan awam dengan melindungi deposit serta manfaat takaful dan insurans yang layak, dan peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi yang memastikan sebarang kegagalan institusi ahli diuruskan dengan teratur tanpa menjejaskan kestabilan sistem kewangan. Sama seperti sistem yang direka untuk menukar mod tanpa menjejaskan kestabilan, PIDM menyokong sistem kewangan ketika keadaan tenang dan dalam situasi tertekan.

Direka untuk Membina Keyakinan

Di saat ketidakpastian, keyakinan mencorakkan tingkah laku. Dalam sistem kewangan, panik tercetus apabila tiada keyakinan, walaupun institusi kewangan secara dasarnya masih kukuh. Dengan adanya keyakinan, konsumen kewangan lebih cenderung bertindak dengan tenang, membolehkan perlindungan berfungsi seperti yang sepatutnya. Sejak penubuhan kami, PIDM memberi tumpuan dalam membina keyakinan ini lebih awal lagi sebelum sebarang krisis berlaku. Melalui Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, PIDM melindungi deposit dan manfaat takaful dan insurans yang layak. Sistem ini memberikan jaminan bahawa simpanan dan perlindungan insurans dan takaful kekal terjamin, walaupun sesebuah institusi ahli tidak lagi dapat beroperasi.

Seperti Terowong SMART, dalam keadaan cuaca baik, sebahagian besar fungsi sebenar sistem ini mungkin tidak kelihatan. Namun, fungsinya lebih terserlah apabila keadaan menjadi tidak menentu dan memerlukan kepastian dan jaminan keselamatan.

Perancangan untuk Menangani Cabaran

Kekal teguh dalam situasi mencabar memerlukan perancangan jauh lebih awal sebelum tekanan muncul. Dengan adanya persediaan, tindak balas akan menjadi lebih teratur walaupun keadaan menjadi bertambah buruk. Institusi yang mempunyai persediaan lebih baik untuk bertindak balas ketika di bawah tekanan dapat membantu mengehadkan gangguan dan menyokong keyakinan dalam seluruh sistem kewangan. Perancangan resolusi merupakan aspek penting bagi kesediaan ini. PIDM melaksanakan perancangan melalui kerjasama erat bersama institusi ahlinya, memberi tumpuan kepada operasi institusi ahli dan bagaimana fungsi kritikal mereka berhubung dengan seluruh sistem kewangan yang lebih luas. Cabaran yang mungkin akan memberi kesan dikenal pasti lebih awal dan ditangani melalui persiapan yang teratur dan jelas, proses lebih kukuh dan keupayaan yang lebih baik, bagi memastikan respons dilaksanakan dengan tenang, terselaras dan efektif apabila diperlukan.

Mempertingkatkan Disiplin, Mengukuhkan Kestabilan

Kestabilan disokong bukan sahaja melalui perlindungan dan perancangan, tetapi juga menerusi insentif yang menggalakkan tingkah laku berhemat merentasi sistem. Sistem premium dan levi PIDM yang berasaskan risiko menyelaraskan kadar pembayaran dengan risiko. Institusi yang mengurus risiko dengan baik membuat pembayaran lebih rendah, manakala profil berisiko tinggi membuat pembayaran lebih tinggi. Dalam tempoh jangka panjang, pendekatan ini menggalakkan tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih wajar, sekali gus meningkatkan keyakinan merentasi sistem sebelum sebarang tekanan kewangan muncul.

Saling Bekerjasama Dalam Apa Jua Keadaan

Keberkesanan Terowong SMART bergantung kepada kerjasama erat antara pelbagai agensi dengan tanggungjawab jelas, seperti Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Prosedur yang ditetapkan dan pemantauan masa nyata membolehkan peralihan yang selamat dan pantas apabila hujan lebat melanda Kuala Lumpur. Begitu juga, PIDM bekerjasama erat dengan peserta jaring keselamatan kewangan dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan kesediaan bersama. Peranan dan tanggungjawab yang digariskan dengan jelas, saluran komunikasi yang diwujudkan dan rancangan yang diuji melalui simulasi yang diselenggarakan, demi memperkukuh kesediaan sebelum sebarang tekanan sebenar berlaku.

Dibina Untuk Kekal Berdaya Tahan

Pengalaman Malaysia dalam pengurusan banjir mengingatkan kita bahawa kestabilan tidak berlaku secara kebetulan. Ia terbina melalui persediaan, kepercayaan dan sistem yang dibangunkan untuk bertindak balas dengan pantas dan efektif dalam keadaan paling mencabar. Perjalanan PIDM selama 20 tahun mencerminkan prinsip asas bahawa perlindungan yang efektif bukan sekadar apa yang diimajinasikan ketika krisis tetapi perancangan teliti yang dibuat lebih awal. Dengan memperkukuh sistem perlindungan, merancang resolusi teratur dan memupuk keyakinan awam, PIDM membantu memastikan konsumen kewangan dapat meneruskan kehidupan dengan yakin. Persediaan tidak menghalang hujan daripada turun, tetapi membantu apabila ia berlaku, membolehkan sistem terus kekal stabil, tindakan terus diambil dan kehidupan seharian dapat diteruskan.

